

27/02/1999

PM rasmi bangunan baru SC

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam merasmikan bangunan baru Suruhanjaya Sekuriti (SC) berharga RM227 juta di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Bangunan pejabat pintar 11 tingkat itu yang juga mercu tanda di kawasan itu, dibina di tapak seluas 1.6 hektar. Ia direka bentuk untuk mengadakan pusat operasi bersepadu yang dapat memenuhi keperluan SC dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC).

Ia menempatkan kemudahan persidangan yang boleh memuatkan sehingga 750 orang, auditorium untuk 450 orang, kemudahan pengajaran bilik darjah, dewan syarahan, bilik dialog, dewan pameran dan sebuah perpustakaan yang akan dibuka kepada orang ramai.

SIDC mempermudah pembangunan pasaran modal yang sihat, stabil dan canggih melalui latihan dan sebaran penyelidikan bebas kepada orang ramai.

Berucap pada majlis perasmian itu, Pengerusi SC, Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid, berkata bangunan baru itu yang mengambil masa 28 bulan untuk disiapkan akan menempatkan 450 kakitangan SC yang sebelum ini beroperasi di lima bangunan disewa berasingan di Kuala Lumpur.

"Ia direka bentuk khusus menjadi antara bangunan paling canggih di Asia, berpadanan dengan tugas sebagai institusi negara yang mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia," katanya.

Kemudahan IT bagi sistem bangunan pintar membabitkan belanja RM148 juta itu meliputi satu sistem kabel tersusun, sistem pengurusan keselamatan bersepadu dan satu sistem telekomunikasi.

(END)